



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Perlis  
Kampus Arau

# Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:  
2022

## Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor  
UiTM Cawangan Perlis Bagi  
Tahun 2022

### Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama  
Bersama Korea Sports Promotion Foundation  
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),  
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun  
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi  
Kepakaran Kepada Komuniti  
Orang Asli Melalui ESKOM  
2022



Majlis Menandatangani Memorandum  
Perjanjian (MoA) Antara Universiti  
Teknologi MARA (UiTM) Dengan  
Universitas Gajah Mada (UGM)  
Indonesia



Oleh:  
Eliy Nazira Mat Nazir  
Prof. Madya Ts. Dr. Shukor Sanim Mohd Fauzi

Arau, 10 Jun 2022 – Satu Program “Diy Hand Sanitizer: Bye-Bye Germs” anjuran Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, bersama Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni dan Keusahawanan, UiTM Cawangan Perlis (PJIM&A) telah diadakan hari ini.

Program ini adalah sejajar dengan keprihatinan warga Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis untuk memberi sumbangan kepada komuniti melalui penghasilan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) dalam usaha membendung penularan sebarang penyakit berjangkit didalam komuniti.

Sebanyak 3000 unit botol pembasmi kuman berkapasiti 30 ml dan 420 unit pembasmi kuman berkapasiti 500 ml dihasilkan secara buatan tangan (*homemade*) telah dihasilkan. Hasil jualan cecair pembasmi kuman ini akan disalurkan kepada komuniti melalui klinik kesihatan yang berdekatan iaitu Klinik Kesihatan Gial,

## PERLAKSANAAN KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU MENERUSI PROGRAM DIY HAND SANITIZER: BYE-BYE GERMS.

Hospital Kangar, Klinik Kesihatan Arau, Unit Kesihatan UiTM Perlis dan beberapa sekolah di sekitar Negeri Perlis.

Program diserikan dengan kehadiran YBhg Prof Madya Ts. Dr. Shukor Sanim Mohd Fauzi, Rektor UiTM Cawangan Perlis yang turut hadir sebagai sukarelawan bagi sama-sama membantu bagi menghasilkan pembasmi kuman. “Saya berpendirian bahawa program seperti ini merupakan sebahagian daripada tindakan proaktif warga UiTM Cawangan Perlis dalam membantu kerajaan bagi melaksanakan Kempen Pembudayaan Norma Baharu yang telah dilancarkan pada 8 Ogos 2020 yang menasarkkan kepada peningkatan kesedaran kawalan sendiri, pematuhan SOP serta pembudayaan norma baharu dalam kalangan komuniti”, ujarnya dalam temubual.

